

LAPORAN PENGURUS

**PERTENGAHAN
TAHUN SEHINGGA
31 OGOS 2022**



AMANAH SAHAM KEDAH

Asas Sumber Kesejahteraan



Laporan Pengurus Bagi Pertengahan Tahun Berakhir 31 Ogos 2022

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Pemegang unit Amanah Saham Kedah (ASK) yang dihormati,

Kedah Islamic Asset Management Berhad selaku Pengurus Tabung ASK dengan sukacitanya membenteng Laporan Pertengahan Tahun dan Penyata Akaun Belum Beraudit ASK bagi setengah tahun kewangan ke-28 mulai 1 Mac 2022 sehingga 31 Ogos 2022.

MAKLUMAT DANA

Nama : Amanah Saham Kedah ("Tabung ASK")

Jenis : Pendapatan dan Pertumbuhan Modal

Kategori : Tabung Ekuiti Berteraskan Syariah

Objektif Pelaburan : Untuk memberikan pelabur suatu peluang peningkatan modal dan pengagihan pendapatan melalui pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah pada tahap risiko yang munasabah.

Tempoh Hayat Tabung ASK : Dilancarkan pada 27 Februari 1995 dan akan terus beroperasi sehingga ditamatkan mengikut Fasal 25 Suratikatan ASK.

Tanda Aras Prestasi : Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah.

Polisi Pengagihan Pendapatan : Pengagihan tahunan/interim (jika ada) berdasarkan jumlah pulangan Tabung ASK.

Pecahan Pegangan Unit ASK Pada 31 Ogos 2022

Kedudukan Pelabur Mengikut Pegangan Unit				
Pegangan Unit	Pelabur	%	Unit	%
5,000 ke bawah	22,803	90.31	7,258,828	7.61
5,001 ke 10,000	803	3.18	6,212,897	6.51
10,001 ke 50,000	1,426	5.65	29,139,392	30.55
50,001 ke 500,000	213	0.84	21,703,243	22.75
500,001 ke atas	4	0.02	31,018,346	32.51
Stok Pengurus	-	-	67,294	0.07
Jumlah	25,249	100.00	95,400,000	100.00



MAKLUMAN

Perubahan Alamat Dan Maklumat Pelabur

Para pelabur adalah dinasihat supaya memaklumkan pihak KIAM sebarang perubahan alamat dan maklumat peribadi sama ada melalui telefon, surat atau emel. Bagi waris kepada pemegang unit yang telah meninggal dunia, waris adalah dinasihat supaya melaporkan kepada KIAM tentang perkara tersebut bagi membolehkan KIAM mengambil tindakan yang perlu.

Maklumat Akaun Bank Pelabur

Pengurusan ASK sedang dalam proses penambahbaik perkhidmatan seperti transaksi unit-unit Tabung ASK dan proses agihan pulangan pelaburan kepada para pemegang unit. Sehubungan dengan itu, para pelabur adalah dipohon untuk memberi maklumat akaun bank bagi memudahkan pihak KIAM untuk mengkreditkan terus bayaran belian balik unit ASK dan pulangan pelaburan (sekiranya ada) ke dalam akaun pemegang unit di masa hadapan.

Pengeluaran Laporan-Laporan Tabung ASK Secara Elektronik

KIAM telah mendapat kelulusan pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 15 Oktober 2021 untuk mengeluarkan Laporan Tahunan dan Laporan Interim Tabung ASK kepada semua pelabur secara elektronik.

Ini adalah selaras dengan peruntukan SC di dalam Garispanduan Mengenai Urusniaga Dan Aktiviti Dalam Talian Berkaitan Unit Amanah ("Guidelines On Online Transactions And Activities In Relation To Unit Trusts"), Bahagian 3, Perkara 7.06. Para pelabur boleh mengakses laporan-laporan Tabung ASK melalui pautan di laman web KIAM, iaitu di www.kiam.com.my. Pihak KIAM telah memuat turun laporan-laporan Tabung ASK di laman web tersebut untuk rujukan para pelabur.

Lebih muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



Jika pelabur masih ingin mendapatkan laporan-laporan Tabung ASK yang bercetak, ianya boleh didapati di pejabat KIAM atau membuat permohonan dengan mengisi borang di bawah:

Nama Pelabur: _____

No. KP: _____

Alamat surat menyurat (jika ada perubahan):

Nombor telefon : _____

Alamat e-mel (jika ada) : _____

Maklumat bank

Nama bank : _____

Nombor Akaun: _____

Saya ingin mendapatkan laporan-laporan Tabung ASK secara bercetak dan melalui pos.

(tanda ✓ jika perlu)

Tandatangan

Tarikh

Para pelabur boleh mengisi dan mengemalikan secara pos, faks atau email kepada kami borang di atas ke:

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD
178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05350 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Email: ask@kiam.com.my

Telefon: 04-7300323

Faks: 04-7300320




LAPORAN PENGURUS

Pencapaian Objektif Dan Analisa Prestasi Berbanding Tanda Aras


Bagi tempoh setengah tahun kewangan dari 1 Mac hingga 31 Ogos 2022, Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Tabung ASK turun 6.84% kepada RM0.2317 di penutup urusniaga pada 31 Ogos 2022 daripada RM0.2487 di pembukaan urusniaga pada 1 Mac 2022. Prestasi ini lebih tinggi berbanding Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah (selepas ini dirujuk sebagai “FBMSHA”) yang turun 10.76% dalam tempoh yang sama.

Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding Tanda Aras FBMSHA Bagi Tempoh Setengah Tahun Berakhir 31 Ogos 2022



Bagi prestasi 5 tahun yang lepas, iaitu dari 1 September 2017 hingga 31 Ogos 2022, Tabung ASK naik sebanyak 5.31% berbanding penurunan FBMSHA sebanyak 15.18%, selepas diselaraskan dengan pengagihan-pengagihan pendapatan.

Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding Tanda Aras FBMSHA Untuk 5 Tahun Yang Lepas



Objektif pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah tetap dipelihara. Majlis Penyeliaan Syariah KIAM di dalam laporannya (*rujuk mukasurat 9*) telah mengesahkan bahawa Tabung ASK telah diurus dan ditadbir mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi garis panduan, peraturan dan keputusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah.

Strategi dan Polisi Pelaburan Digunakan Untuk Mencapai Keputusan Prestasi

Strategi dan polisi pelaburan yang digunakan untuk mencapai prestasi yang dicatatkan bagi separuh pertama tahun kewangan 2022 terbahagi kepada tiga; (a) peruntukan aset strategik (“strategic asset allocation”), (b) peruntukan sektor strategik (“strategic sector allocation”) dan (c) pemilihan saham strategik (“strategic stock selection”).



Peruntukan aset strategik

Pada setengah tahun kewangan 2022, peruntukan ekuiti dikekalkan melebihi 70% dan tidak melebihi 95%, seperti keperluan yang dinyatakan di dalam prospektus.

Strategi terkini, pemilihan Pengurus masih di dalam sektor kesihatan bagi jangka masa yang pendek ini. Pengurus akan menilai dan beralih kepada tematik selektif seperti sektor runcit, sektor pelancongan, sektor komoditi, sektor minyak mentah dan sektor perbankan. Untuk jangka masa panjang, Pengurus menumpukan kepada sektor teknologi selaras dengan teknologi terkini seperti 5G.

Peruntukan sektor strategik

Pendekatan secara pro-aktif juga diambil di dalam peruntukan sektor strategik yang dibuat berdasarkan kepada unjuran prestasi sektor-sektor di dalam ekonomi yang dijangka lebih cemerlang.

Pemilihan saham strategik

Proses penyelidikan kami menghendaki kami mempunyai pemahaman yang kukuh mengenai syarikat, amalan perniagaannya, reputasi dan perlakuan hak pemegang saham.

Pasukan penyelidik berusaha untuk melakukan wawancara dengan individu di pelbagai peringkat pengurusan, pembekal, pelanggan dan pesaingnya. Kami juga mencari maklumat yang relevan melalui artikel berita dan Bloomberg.

Bagi pelaburan ekuiti, Pengurus akan mengenalpasti sama ada pelaburan di dalam sesebuah syarikat tersenarai itu dibuat atas dasar pelaburan asas ("core"), pelaburan untuk dividen ("dividend/yield"), pelaburan untuk pertumbuhan modal ("growth") atau pelaburan berasaskan nilai ("value").

Manakala bagi pelaburan di dalam pasaran wang pula, Pengurus Tabung ASK membuat pelaburan bagi tempoh jangkamasa pendek dan sederhana. Pelaburan telah dibuat di dalam instrumen-instrumen seperti *Term Deposit-i Tawarruq-Special (TDT-i Special)*, *Al-Wadiah*, *Corporate Commodity Murabahah Deposit (CCMD)* dan *Commodity Murabahah Deposit-i (CMD-i)*.

Ulasan Pasaran Saham

Indeks FBM Emas Syariah (FBMSHA) mencatatkan paras terendah iaitu 10,039.93 mata pada 13 Julai 2022 dan paras tertinggi iaitu 12,241.65 mata pada 3 Mac 2022. Bagi tempoh laporan 1 Mac 2022 sehingga 31 Ogos 2022, FBMSHA menurun sebanyak 1,304.13 mata atau 12.06%.

Faktor-faktor yang telah mendominasi naik turun pasaran ekuiti tempatan sepanjang tempoh Mac hingga Ogos 2022 ialah:

Domestik:

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK): Malaysia mencatatkan perkembangan ekonomi yang memberansangkan pada suku kedua pada tahun 2022 dengan peningkatan sebanyak 8.9% berbanding peningkatan sebanyak 5.0% pada suku pertama. Kadar KDNK tersebut adalah lebih tinggi daripada ramalan iaitu sebanyak 7% dan Malaysia merekodkan antara pencapaian terbaik di antara 5 negara Asean.



Hal yang demikian disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan oleh sektor swasta, kemasukan pelancong asing dan pemulihan dalam pasaran buruh.

Kadar Dasar Semalaman (OPR): Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) telah menaikkan kadar OPR lagi sekali sebanyak 25 mata asas kepada 2.25 peratus berbanding paras rekod terendah 1.75 peratus sebelumnya ekoran daripada kenaikan kadar inflasi. Pada kadar OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

Inflasi: kadar inflasi di Malaysia untuk suku kedua tahun 2022 telah meningkat sebanyak 2.8 peratus kepada 126.6 berbanding 123.1 pada suku yang sama tahun lalu. Kadar inflasi di Malaysia adalah antara yang terendah berbanding negara lain disebabkan oleh kawalan harga yang ditetapkan oleh kerajaan terhadap barangan asas terutama terhadap pasaran minyak mentah. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia dijangkakan perlu membayar sebanyak RM30B untuk subsidi minyak pada tahun ini berdasarkan harga semasa barang mentah tersebut.

Pergerakan matawang Ringgit: Ringgit Malaysia mengalami penyusutan nilai daripada 1 Mac 2022 (USD1=RM4.1930) sehingga 30 Julai 2022 (USD1=RM4.4508). Kemudian, Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan sehingga ke akhir bulan Ogos (USD1=RM4.4755). Keseluruhannya, ringgit telah jatuh sebanyak 6.31% pada suku kedua tahun 2022 berbanding dollar. Ini disebabkan oleh kawalan pergerakan di China serta kenaikan kadar bunga yang agresif di Amerika Syarikat di mana telah menyebabkan permintaan terhadap ringgit Malaysia berkurang.

Wabak Pandemik Covid-19: Malaysia membuka semula sempadannya pada 1 April 2022 sebagai sebahagian daripada langkah negara untuk beralih ke Fasa Endemik. Semua sektor ekonomi di Malaysia telah kembali beroperasi seperti normal, dan hampir 99% daripada kes baharu COVID-19 yang dikesan berada dalam kategori satu dan dua; tidak menunjukkan gejala yang serius atau hanya simptom yang ringan. Ekonomi Malaysia berada di landasan yang lebih baik untuk pulih daripada wabak covid berikutan usaha vaksinasi yang berjaya dan pembukaan sepenuhnya daripada sekatan pergerakan.

Keputusan korporat: sektor penjagaan kesihatan, terutamanya bagi syarikat pengeluar sarung tangan getah telah mencatatkan prestasi yang sangat teruk pada suku kedua tahun 2022, ini disebabkan oleh lebihan pengeluaran dunia ekoran daripada pertambahan kapasiti daripada pemain baru dalam sektor ini serta kenaikan harga barang mentah dan kekurangan buruh telah memburukkan lagi keadaan. Sektor teknologi juga telah mencatatkan prestasi yang teruk pada suku yang sama disebabkan oleh masalah rantaian pengeluaran ekoran daripada kawalan pergerakan serta kadar bunga yang tinggi telah menyebabkan permintaan terhadap barangan elektronik berkurang.

Minyak mentah: Harga minyak mentah telah jatuh daripada USD104.97 pada 1 Mac 2022 kepada USD99.34 pada 31 Ogos 2022. Pada akhir bulan Ogos 2022, harga minyak telah mengalami penurunan yang mendadak susulan rancangan Amerika Syarikat untuk mengenakan had harga minyak terhadap Rusia serta melepaskan rizab strategik mereka untuk mengawal harga minyak mentah dunia. Seterusnya, prospek kelembapan ekonomi global yang melemahkan permintaan terus melemahkan sentimen pasaran minyak mentah, didorong sebahagian besarnya oleh pengetatan monetari yang agresif oleh bank pusat utama dan pengimport minyak mentah utama China yang masih lagi dalam kawalan perintah berkurung akibat peningkatan kes Covid-19 di negara itu.



Ulasan Pasaran Wang: Bagi tempoh separuh tahun kewangan Tabung Amanah Saham Kedah (Mac - Ogos 2022), kadar semalaman yang ditawarkan oleh bank berlegar antara 2.05% hingga 2.10%, lebih rendah daripada kadar OPR sebanyak 2.25% sebelum semakan pada 06 Mei 2022. Selepas semakan kedua pada 08 Julai 2022, kadar ditetapkan pada 2.25%. Kadar penempatan oleh bank juga setanding dengan paras tersebut sebanding dengan usaha akomodatif Bank Negara Malaysia untuk pertumbuhan ekonomi.

Komisyen Ringan

Pihak Pengurus menerima komisyen ringan daripada syarikat-syarikat broker saham dalam bentuk bahan-bahan penyelidikan dan kajian ("*brokers' reports*") yang dibenarkan di bawah Garispanduan Tabung Unit Amanah melalui faksimili atau e-mel bagi tujuan memperolehi maklumat semasa pasaran dan perkembangan terbaru syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

LAPORAN TABUNG AMANAH SAHAM KEDAH

Komposisi Portfolio

Pegangan Ekuiti Mengikut Sektor Pada 31 Ogos *	2022	2021	2020
	(%)	(%)	(%)
Barangan Pengguna	6.57	6.96	2.69
Barangan Industri	19.22	20.77	16.36
Pembinaan	3.93	4.78	3.21
Perkhidmatan/Dagangan	25.86	14.56	18.00
Hartanah	7.66	3.71	4.81
Perladangan	1.05	1.97	2.53
Teknologi	18.94	23.77	11.84
Syarikat Projek Infrastruktur	-	-	-
REITS	7.66	7.30	7.32
Kewangan	4.34	5.17	6.71
Jumlah	95.00	88.98	73.47
Pelaburan Mengikut Kategori Pada 31 Ogos *	2022	2021	2020
	(%)	(%)	(%)
Ekuiti	95.00	88.98	73.47
Pasaran Wang	3.89	15.79	26.86
Aset Bersih Lain	1.11	(4.77)	(0.33)
Jumlah	100.00	100.00	100.00

(*) Tabung ASK hanya melabur di pasaran saham dan pasaran wang tempatan.

(**) Peratusan dikira berdasarkan NAB di akhir tempoh.

Pergerakan Nilai Modal

Pergerakan Nilai Modal		Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir Pada 31 Ogos		
		2022	2021	2020
Nilai Aset Bersih (NAB)	RM	22,106,311	30,808,994	26,835,018
Unit Dalam Edaran	Unit	95,400,000	118,700,000	120,100,000
NAB Seunit	RM	0.2317	0.2596	0.2234
NAB Seunit Tertinggi	RM	0.2529	0.2615	0.2235
NAB Seunit Terendah	RM	0.2107	0.2355	0.1507
Jumlah Pulangan	%	(6.84)	0.74	18.08
Perkembangan Modal	%	(6.84)	0.74	18.08
Pendapatan	%	-	-	-

Sumber : Laporan Kewangan Belum Beraudit



Jumlah Pulangan

Jumlah Pulangan Tahunan *	Bagi Tahun Kewangan Berakhir Pada 28/29 Februari				
	2022	2021	2020	2019	2018
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	(6.84)	36.21	(2.12)	(15.37)	5.48
Purata Jumlah Pulangan **	Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Ogos 2022				
	Setahun	Tiga Tahun	Lima Tahun		
Purata Jumlah Pulangan (%)	(10.75)	13.02	4.56		

(*) Diselaras semula mengikut peratusan dan tahun kewangan masing-masing berakhir pada 28/29 Februari.

(**) Diselaras semula mengikut peratusan dan tempoh masing-masing berakhir pada 31 Ogos 2022.

Sumber : Lipper

Pengagihan Pendapatan Dan Pecahan Unit

Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos untuk tahun 2020, 2021 dan 2022, tabung tidak membuat sebarang pengagihan pendapatan dan lain-lain bentuk pengagihan.

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan Dagangan Portfolio

Nisbah	Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
	2022	2021	2020
Nisbah Jumlah Perbelanjaan (NJP) - (%)	0.80	0.80	0.79
Nisbah Dagangan Portfolio (NDP) - (kali)	0.26	0.35	0.59

NJP dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan mengurus dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian. NDP pula dikira berdasarkan purata kos belian dan jualan pelaburan dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian.

NDP menurun kepada 0.26 kali daripada 0.35 kali berikutan penurunan di dalam transaksi jualan dan belian ekuiti di samping mengambil pendekatan berhati-hati oleh Pengurus Tabung ASK. Pelaburan di dalam ekuiti berada pada tahap 95% pada akhir Ogos 2022 berbanding 89% akhir Ogos 2021.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan. Harga seunit dan pembayaran penguagihan pendapatan, jika ada boleh berubah-ubah sama ada naik ataupun turun.



Laporan Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

LAPORAN MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH KIAM KEPADA PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM KEDAH BAGI SETENGAH TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2022

Kami telah bertindak sebagai Majlis Penyeliaan Syariah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan bahawa prosedur dan proses yang digunakan oleh KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD dan peruntukan Suratikatan AMANAH SAHAM KEDAH bertarikh 25 Ogos 1999 dan Suratikatan Tambahan bertarikh 27 Februari 2014 adalah selaras dengan Prinsip-Prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD telah mengurus dan mentadbir Tabung AMANAH SAHAM KEDAH mengikut Prinsip-Prinsip Syariah dan mematuhi Garispanduan yang ditetapkan, Peraturan atau keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah untuk tempoh setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022.

Kami juga mengesahkan bahawa portfolio pelaburan Tabung AMANAH SAHAM KEDAH terdiri daripada sekuriti yang dikelaskan sebagai patuhan Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

**DATO' SETIA JAYA DATO' PADUKA
SYEIKH HASBULLAH BIN HAJI ABDUL HALIM**
Pengerusi
Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

Tarikh: 4 Oktober 2022



Laporan Pemegang Amanah

TRUSTEE'S REPORT TO THE UNIT HOLDERS OF AMANAH SAHAM KEDAH ("Fund")

We have acted as Trustee of the Fund for the financial period ended 31 August 2022 and we hereby confirm to the best of our knowledge, after having made all reasonable enquiries, **Kedah Islamic Asset Management Berhad** has operated and managed the Fund during the period covered by these financial statements in accordance with the following:

- a) Limitations imposed on the investment powers of the management company under the deed, securities laws and the Guidelines on Unit Trust Funds;
- b) Valuation and pricing is carried out in accordance with the deed; and
- c) Any creation and cancellation of units are carried out in accordance with the deed and any regulatory requirement.

For and on behalf of
CIMB Islamic Trustee Berhad

Datin Ezreen Eliza binti Zulkiplee
Chief Executive Officer

Kuala Lumpur, Malaysia
Date: 4 October 2022



Kenyataan Pengurus Kepada Pemegang Unit ASK

Kami, Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Bin Haji Din dan Adi Harriman Bin Abdul Majid, dua daripada pengarah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa pada pandangan syarikat pengurusan, Penyata Kewangan Tabung ASK belum beraudit yang dibentangkan di dalam Laporan Setengah Tahun ini telah disediakan mengikut peruntukan Suratikatan dan memberi gambaran yang benar dan saksama berhubung hal-ehwal Tabung ASK bagi setengah tahun kewangan berakhir pada 31 Ogos 2022 mengikut Prinsip Perakaunan yang diterimapakai di Malaysia dan diubahsuai oleh Garispanduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ke atas Tabung Unit Amanah.

Untuk dan bagi pihak Pengurus
KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD

PROF. EMERITUS DATO' WIRA DR. MOHD SALLEH BIN HAJI DIN
Pengarah

ADI HARRIMAN BIN ABDUL MAJID
Pengarah

Tarikh: 4 Oktober 2022



Penyata Kewangan Tabung ASK

Penyata Kewangan Tabung ASK yang dibentang di bawah adalah **PENYATA YANG BELUM DIAUDIT** bagi tempoh setengah tahun kewangan bermula 1 Mac 2022 sehingga 31 Ogos 2022 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

STATEMENT OF FINANCIAL POSITION As at 31 August 2022

	2022 (RM)	2021 (RM)
Assets		
Deposits with financial institutions	859,111	4,865,955
Quoted Investments	21,002,032	27,415,250
	21,861,143	32,281,205
Other assets		
Deposits receivable	48	485
Dividends receivable	32,267	25,844
Tax recoverable	168,863	149,056
Cash at bank	8,627	6,233
Others	2,756,613	3,554
	2,966,418	185,172
Total Assets	24,827,561	32,466,377
Liabilities		
Due to Manager	31,156	38,548
Due to Trustee	1,454	1,799
Due to stockbrokers	-	477,990
Other payables and accruals	2,688,641	1,139,046
Total Liabilities	2,721,251	1,657,383
Equity		
Unitholders' capital	114,297,930	119,761,060
Accumulated losses	(92,191,620)	(88,952,066)
Net Asset Value ("NAV") Attributable to Unitholders	22,106,310	30,808,994
Total Equity and Liabilities	24,827,561	32,466,377
Units in circulation	95,400,000	118,700,000
Net Asset Value ("NAV") per unit	0.2317	0.2596

**STATEMENT OF COMPREHENSIVE INCOME**
For the period ended 31 August 2022

	2022 RM	2021 RM
Income		
Gross dividend income	302,270	357,438
Income from deposits in financial institutions	20,631	30,223
Other income	21	20
Net gain from investments:		
- Financial assets at fair value through profit and loss ("FVTPL")	-	-
- Net realised gain / (loss) on sale of investments	(1,420,852)	1,460,901
	(1,097,930)	1,848,582
Expenses		
Manager's fee	196,930	226,549
Trustee's fee	9,190	10,572
Auditor's remuneration	-	-
Bank & custodian charges	1,523	1,298
GST bank & custodian charges	-	-
Administrative expenses	-	-
	207,643	238,419
Net income / (loss) before tax	(1,305,573)	1,610,163
Income tax expense	-	-
Net income / (loss) after tax	(1,305,573)	1,610,163
Net income after tax is made up by the following:		
Net realised income / (loss)	(1,305,573)	1,610,163
Net unrealised income / (loss)	-	-

STATEMENT OF CHANGES IN EQUITY
For the period ended 31 August 2022

	Unitholders' capital	Retained earnings	Total equity
	RM	RM	RM
As at 1 March 2021	119,861,840	(89,168,773)	30,693,067
Total comprehensive gain for period	-	1,610,163	1,610,163
Unrealised changes in fair value	-	(1,393,456)	(1,393,456)
Creation of units	-	-	-
Cancellation of units	(96,857)	-	(96,857)
Distribution equalisation	(3,923)	-	(3,923)
Balance as at 31 August 2021	119,761,060	(88,952,066)	30,808,994
As at 1 March 2022	118,643,690	(90,215,280)	28,428,410
Total comprehensive loss for period	-	(1,305,573)	(1,305,573)
Unrealised changes in fair value	-	(670,767)	(670,767)
Creation of units	-	-	-
Cancellation of units	(4,404,479)	-	(4,404,479)
Distribution equalisation	58,719	-	58,719
Balance as at 31 August 2022	114,297,930	(92,191,620)	22,106,310



STATEMENT OF CASH FLOWS
For the period ended 31 August 2022

	2022 RM	2021 RM
Cash flows from operating and investing activities		
Proceeds from sale of investments	7,227,282	11,631,195
Acquisition of investments	(6,208,043)	(9,202,793)
Net dividends received	283,074	371,266
Income received from deposits	20,588	30,167
Subscription of rights	184,100	-
Other income received	21	20
Tax refund	-	-
Manager's fee paid	(199,446)	(222,808)
Trustee's fee paid	(9,307)	(10,398)
Professional fee – auditor / tax agent	(17,575)	(16,198)
Payment for other fees and expenses	(1,273)	(21,974)
Others	(1,780,029)	(2,004,322)
Net cash used in operating and investing activities	(500,608)	554,155
Cash flows from financing activities		
Cash paid on units cancelled	(1,670,800)	(100,780)
Cash received on units created	-	-
Grant received from Kedah State Government	-	-
Dividend to Unitholders	-	-
Net cash generated from financing activities	(1,670,800)	(100,780)
Net decrease in cash and cash equivalents	(2,171,408)	453,375
Cash and cash equivalents at the beginning of the year	3,039,147	4,418,813
Cash and cash equivalents at the end of the year	867,738	4,872,188
Cash and cash equivalents comprise:		
Cash at banks	8,627	6,233
Deposits with financial institutions	859,111	4,865,955
	867,738	4,872,188

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENT
For the period ended 31 August 2022

1. Basis Of Preparation

The financial statements of the Fund have been prepared in accordance with Financial Reporting Standards ("FRS") and the Securities Commission's Guidelines on Unit Trust Funds in Malaysia.

The financial statements have been prepared on the historical cost basis and are presented in Ringgit Malaysia ("RM").

2. Manager's Fee

The Manager's fee is computed on a daily basis at 1.50% per annum of the NAV of the Fund before deducting the Manager's and Trustee's fees for that particular day.

3. Trustee's Fee

The Trustee's fee is computed on a daily basis at 0.07% per annum of the NAV of the Fund, before deducting the Manager's and Trustee's fee for that particular day.

**4. Unitholders' Capital 2022 :**

	No. of units	RM
As at the beginning of the year	114,300,000	118,643,690
Creation of units	-	-
Cancellation of units	(18,900,000)	(4,404,479)
	95,400,000	114,239,211
Distribution equalisation	-	58,719
As at the end of the year /period	95,400,000	114,297,930

Amanah Saham Kedah has an approved combined fund size of 200,000,000 units.

5. Units Held By Related Parties

	31 Aug 2022	31 Aug 2021
Kedah Islamic Asset Management Berhad (The Manager)	67,294	89,446
Directors of the Manager	165,468	155,670
Other related parties	16,191,321	35,365,473
Total	16,424,083	35,610,589

All units are held legally, not beneficially.

6. Transactions with Stockbroking Companies

Details of transactions with stockbroking companies for the period ended 31 August 2022 are as follows:

Stockbroking Companies	Value of Trade RM	% of total Trade (%)	Brokerage Fees RM	% of total Brokerage Fees (%)
Affin Hwang Capital - Investment Bank Bhd	5,387,148	35.38	10,803	35.23
CIMB Investment Bank Bhd	1,420,751	9.33	2,849	9.29
KAF Equities Sdn Bhd	4,630,100	30.41	9,260	30.20
Maybank Investment Bank Bhd	3,093,223	20.32	6,192	20.19
RHB Investment Bank Bhd	694,272	4.56	1,561	5.09
Total	15,225,494	100.00	30,665	100.00

All stockbroking companies listed above are non-related parties with the Manager Company.

7. Financial Assets at FVTPL - as at 31 August 2022

	2022 (RM)	2021 (RM)
Financial assets held for trading: Quoted equities	21,002,032	27,415,251
Net gain / (loss) on financial assets at FVTPL comprised:		
Realised gain / (loss) on disposals	(1,420,852)	1,460,901
Unrealised changes in fair values	-	-
	19,581,180	28,876,152



Financials assets held for trading as at 31 August 2022 are as detailed below:

SECTORS / COUNTERS	Quantity (Units)	Fair Value (RM)	Per Cent of NAV (%)
INDUSTRIAL PRODUCTS			
Ancom Nylex Bhd	470,000	437,100	1.98
Cypark Resources Bhd	1,027,400	390,412	1.77
Dufu Technology Corp. Bhd	194,100	559,008	2.53
Hiap Teck Venture Bhd	950,000	266,000	1.20
Kelington Group Bhd	397,300	492,652	2.23
P.A Resources Bhd	964,800	274,968	1.24
Pantech Group Holding Bhd	201,800	134,197	0.61
Pestech International Bhd	500,000	182,500	0.83
Pestech International Bhd-Warrant Bonus	37,500	5,813	0.03
P.I.E Industrial Bhd	142,900	441,561	2.00
Press Metal Aluminium Holdings Bhd	120,000	573,600	2.59
SKP Resources Bhd	282,450	480,165	2.17
SKP Resources Bhd - Warrant Bonus	93,000	11,625	0.05
TOTAL	5,381,250	4,249,601	19.22
CONSUMER PRODUCTS			
Aeon Co.(M) Bhd	139,700	205,359	0.93
Formosa Prosonic Industries	96,000	300,480	1.36
Magni Tech Industries Bhd	200,000	374,000	1.69
Power Root Bhd	120,100	220,984	1.00
QL Resources Bhd	69,000	351,900	1.59
TOTAL	624,800	1,452,723	6.57
PLANTATIONS			
Kuala Lumpur Kepong Bhd	10,000	231,400	1.05
TOTAL	10,000	231,400	1.05
PROPERTIES			
SP Setia-RCPS-I Bhd	1,361,000	1,265,730	5.73
TOTAL	1,361,000	1,265,730	5.73
CONSTRUCTION			
Econpile Holdings Bhd	843,700	139,211	0.63
Muhibbah Engineering (M) Bhd	1,679,600	730,626	3.31
TOTAL	2,523,300	869,837	3.93
TRADING / SERVICES			
Dayang Enterprice Holding Bhd	150,000	163,500	0.74
Dialog Group Bhd	121,000	294,030	1.33
Digi.Com Bhd	65,000	243,750	1.10
Gas Malaysia Berhad	100,000	342,000	1.55
Hibiscus Petroleum Bhd	2,283,500	2,420,510	10.95
Petronas Dagangan Bhd	23,500	552,250	2.50
Petronas Gas Bhd	10,000	173,400	0.78
Sime Darby Bhd	180,000	412,200	1.86
Tenaga Nasional Bhd	124,000	1,114,760	5.04
TOTAL	3,057,000	5,716,400	25.86
FINANCE			
BIMB Holdings Bhd	247,800	646,758	2.93
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd	93,923	312,764	1.41
TOTAL	341,723	959,522	4.34
REITS			
Axis Real Estate Investment Trust	358,838	674,615	3.05
AME Real Estate Investment Trust	549,000	631,350	2.86
KLCC Real Estate Investment Trust	56,000	388,080	1.76
TOTAL	963,838	1,694,045	7.66
TECHNOLOGY			
D&O Green Technologies Bhd	231,000	903,210	4.09
Globetronics Technology Bhd	81,333	102,480	0.46
Frontken Corporation Bhd	186,900	519,582	2.35
Inari Amertron Bhd	85,000	230,350	1.04
Kobay Tecnology Bhd	45,700	126,589	0.57
Malaysia Pacific Industries	26,200	805,912	3.65
SFP Tech Holding Bhd	737,400	943,872	4.27
Vitrox Corporation Bhd	30,000	216,300	0.98
Unisem (M) Bhd	123,000	339,480	1.54
SNS Network Bhd	1,500,000	375,000	1.70
TOTAL	3,046,533	4,562,775	20.64
GRAND TOTAL	17,309,444	21,002,032	95.00



8. Total Expenses And Portfolio Turnover Ratios

(a) Total Expenses Ratio ("TER")

The TER of the Fund is the ratio of the sum of fees and expenses incurred by the Fund to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. The fees and expenses include Manager's fee, Trustee's fee, auditors' remuneration, tax agent's fee and other administrative expenses. For the financial period ended 31 August 2022, the TER of the Fund stood at 0.80% (2021: 0.80%) and is calculated as follows:

$$\begin{aligned}\text{TER} &= \frac{\text{Total fees and expenses}}{\text{Average NAV}^*} \times 100 \\ &= \frac{\text{RM}207,643}{\text{RM}26,041,277} \times 100 \\ &= 0.80\%\end{aligned}$$

(b) Portfolio Turnover Ratio ("PTR")

The PTR of the Fund is the ratio of average acquisitions and disposals of the Fund for the financial year to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. For the financial year ended 31 August 2022, the PTR of the Fund stood at 0.26 times (2021: 0.35).

The PTR of the Fund is calculated as follows:

$$\begin{aligned}\text{PTR} &= \frac{(\text{Total Acquisitions} + \text{Total Disposals}) / 2}{\text{Average NAV}^*} \\ &= \frac{(\text{RM}6,208,043 + 7,227,282) / 2}{\text{RM}26,041,277} \\ &= 0.26 \text{ times}\end{aligned}$$

Note :

(*) The average NAV of the Fund of the financial period ended 31 August 2022 was RM26,041,277 (2021: RM29,958,942).



Maklumat Korporat

SYARIKAT PENGURUSAN

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD (315167-P)

PEJABAT PERNIAGAAN

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Tel : 04-7300323 Faks : 04-7300320

E-mel : ask@kiam.com.my Laman web: www.kiam.com.my

LEMBAGA PENGARAH

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff
Adi Harriman Bin Abdul Majid

JAWATANKUASA PELABURAN

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff
Abdul Rahman Bin Haji Din

MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH

Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah Bin Haji Abdul Halim
Dato' Wira Syeikh Yahaya Bin Haji Jusoh
Prof Dr. Md. Amin Bin Abdul Rahman

JAWATANKUASA AUDIT & PEMATUHAN

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff
Haji Ahmad Bin Haji Ismail

KETUA EKSEKUTIF

Adi Harriman Bin Abdul Majid

SETIAUSAHA SYARIKAT

Norazlina Binti Osman (LS 0009524)

PEMEGANG AMANAH

CIMB Islamic Trustee Berhad (198801000556)
Aras 13, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

WAKIL KEPADA PEMEGANG AMANAH

CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H)
Aras 21, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

JURUAUDIT TABUNG & AKAUNTAN MELAPOR

Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS)
No.2, Jalan Rampai Niaga 2
Rampai Business Park
53300 Kuala Lumpur

PERUNDING PERCUKAIAN

AFTAAS Taxation Services Sdn. Bhd.
No.2, Jalan Rampai Niaga 2
Rampai Business Park
53300 Kuala Lumpur

PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

Tetuan Hoe & Ahmad Zaki
(Peguambela & Peguamcara)
No. 1564, Tingkat 2, Wisma Southern Bank
Jalan Kota, 05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Tetuan Abdul Halim Said & Co.
Suite 25-29, Tingkat Dua
Bangunan Lembaga Padi
Jalan Tunku Ibrahim, 05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

BANK-BANK

CIMB Islamic Bank Berhad
1583, Bangunan UMNO
Jalan Tunku Ibrahim
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman



KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD (315167-P)

PENGURUSAN PORTFOLIO | PENGURUSAN AMANAH SAHAM

**178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah,
05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
Tel: 04-7300323 Faks: 04-7300320
E-mail: ask@kiam.com.my
Laman web: www.kiam.com.my**